



Tindakan segelintir golongan antivaksin ini akan memberi impak buruk yang besar

kepada masyarakat pada masa akan datang kerana kita akan gagal untuk menangani pandemik Covid-19 secara menyeluruh akibat hasutan dan tindakan mementingkan diri sendiri golongan terbabit."

– Jurutera Marin, Afiq Effendi
Apandi, 33



Fika kita lihat sekarang trend penularan berita palsu terutamanya menghasut seseorang

untuk menjadi antivaksin semakin tidak terkawal. Media sosial menjadi medium utama bagi golongan antivaksin menyebarkan berita palsu. Kerajaan perlu kaji semula isu berkaitan berita palsu manakala pihak media harus lebih aktif memberi kesedaran akan kepentingan vaksin."

– Pelajar, Wan Habibah Zahari, 24



FPada pandangan saya, golongan antivaksin ini golongan yang hanya mementingkan diri dan tidak memikirkan kesan terhadap orang lain. Perkara itu tidak baik dan seharusnya diambil tindakan memandangkan negara sangat terkesan akibat pandemik ini."

– Pekerja Swasta, Nazrizal Mohd Gazali, 27

Hanya 21 juta penduduk Malaysia mendaftar program PICK sekali gus berisiko dijangkiti varian Delta

SHAH ALAM

Setelah lebih lima bulan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bermula, kira-kira tiga juta lagi penduduk Malaysia belum mendaftar sebagai penerima vaksin sekali gus mencetuskan kebimbangan usaha mencapai imuniti kelompok bakal gagal.

Isu tersebut timbul dengan mengambil kira sasaran Malaysia yang mahu mencapai vaksinasi sehingga 80 peratus populasi atau sekitar 24 juta individu menjelang Februari 2022.

Berdasarkan maklumat di laman sesawang Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) sejumlah 21,050,822 pendaftaran telah direkodkan setakat jam 11 pagi Khamis berbanding sasaran 24 juta yang ditetapkan.

Mengulas perkembangan itu, Pakar Kesihatan Pekerjaan dan Kesihatan Am, Hospital Pakar Kasih Cyberjaya, Dr Hanafiah Bashirun berkata, tidak dinafikan sukar untuk mana-mana negara di dunia mencapai 100 peratus imuniti kelompok kerana akan wujud penolakan daripada golongan antivaksin.

Namun, katanya, dengan kewujudan varian Delta yang semakin menjadi *strain* dominan di seluruh dunia kerana kadar jangkitan yang tinggi, jumlah tiga juta yang belum mendaftar itu tentunya memberi kesan buruk.

“Kes positif Covid-19 akan meningkat disebabkan keinginan mereka yang tidak divaksin ini.



MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

“Mereka sendiri akan menjadi mangsa varian Delta kerana mereka telah menyumbang kepada kelewatan negara mencapai imuniti kelompok.

“Jadi penting untuk masyarakat dan agensi-agensi segera menggerakkan pendaftaran untuk capai sasaran tersebut khususnya fokus kepada golongan yang mahu divaksin tetapi tidak berkeupayaan mendapat akses tersebut,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, bagi Pakar Kesihatan



DR HANAFIAH



DR MALINA

Manakah lagi 3 juta?

Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Malina Osman, pembeiran vaksin secara *walk-in* perlu diperhebat bagi mengatasi isu golongan yang tidak dapat mendaftar.

“Wujudkan lebih banyak pasukan bergerak dari rumah ke rumah serta liputan ke kawasan pedalaman serta yang sukar ke klinik.

“Selain itu, kerajaan wajar melibatkan semua pengamal perubatan swasta untuk membantu proses pemvaksinan.

“Kompetensi dan fasiliti mereka boleh dilibat sama terutama di negeri-negeri yang tidak mempunyai kemudahan dewan besar sebagai PPV (pusat pemberian vaksin),” katanya.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memaklumkan kira-kira 45.8 peratus atau hampir 15 juta daripada populasi Malaysia sudah menerima suntikan dos pertama setakat Rabu lalu.

Sebanyak 23.6 peratus atau lebih 7.7 juta penduduk lagi telah melengkapkan dua dos vaksin Covid-19 dalam tempoh yang sama.